

Pengaruh Islam, Arab dan Parsi dalam Inovasi Sistem Tulisan Jawi

Sabariah Sulaiman
sabariah.sulaiman@fbk.upsi.edu.my

Nur Hidayah Rashidi
nurhidayah@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Teo Kok Seong
teokokseong@kita.ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan pengaruh Islam, Arab dan Parsi dalam inovasi sistem tulisan Jawi oleh orang Melayu. Perbincangan dimulai dengan menyetengahkan imej tulisan yang pernah digunakan di Alam Melayu sehingga membawa kepada kemunculan tulisan Jawi. Pembuktian tentang kewujudan pengaruh Arab dan Parsi dalam tulisan Jawi dijelaskan menerusi susur galur kedua-dua bahasa tersebut di samping penjelasan berhubung pengaruh agama Islam. Hasil perbincangan ini menunjukkan pengaruh Arab paling dominan dalam inovasi tulisan Jawi kerana sebahagian besar huruf Jawi berasal daripada huruf Arab manakala, pengaruh Parsi telah melahirkan huruf-huruf tambahan bagi menyesuaikan dengan keperluan bahasa Melayu. Di samping itu, penciptaan empat huruf gubalan Melayu menjadi manifestasi kepada kebijaksanaan orang Melayu untuk memenuhi keperluan bahasanya. Kedatangan Islam pula merupakan faktor pencetus dan penolak kepada perkembangan tulisan Jawi kerana tulisan ini dikaitkan sebagai tulisan agama.

Kata kunci Pengaruh Islam, pengaruh Arab, pengaruh Parsi, inovasi tulisan Jawi, alam Melayu.

ABSTRACT

This paper discusses the influence of Islam, Arabic and Persian in the innovation of the Jawi Writing System by the Malays. The discussion begins

by highlighting the writing images that were once used in the Malay world, leading to the prominent emergence of the Jawi script. Evidence on the existence of Arabic and Persian influence in Jawi writing was explained through genealogical records of both languages and the influence of Islam as a religion. The study presents literature review confirming the strong influence of Islam, Arabic and Persian in the innovation of Jawi writing by the Malays. Further analysis and discussion indicated that Arabic has the most dominant influence in the innovation because most of the Jawi letters derived from Arabic alphabets while Persian influence has spawned some additional letters to suit the needs of the Malay language. Additionally, drafting the Malay letters has become a manifestation to the Malays on their intelligence to fulfill their language needs. The arrival of Islam initiated the development of Jawi writing due to its association with religious writings.

Keywords *Islamic influence, Arabic influence, Persian influence, Jawi writing innovation, the Malay world.*

PENGENALAN

Bahasa merupakan suatu sistem simbol lisan yang arbitrari, yang digunakan oleh anggota sesuatu masyarakat bahasa untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain berlandaskan budaya yang dimiliki bersama (Dardjowidjojo, 2007). Secara zahirnya dari segi ucapan, bahasa mengandungi gelombang suara manakala, dari segi tulisan pula bahasa mengandungi lorekan dakwat, cat, ukiran dan lain-lain yang semuanya itu merujuk kepada sesuatu makna tertentu yang bertindak untuk menyampaikan maklumat atau hasrat. Bunyi ucapan atau lorekan tulisan yang merujuk kepada makna merupakan sejenis tanda atau item (Hashim Hj. Musa, 2006). Setelah wujudnya sistem tulisan bahasa, tulisan alfabet telah menjadi media komunikasi yang paling popular berbanding sistem tulisan sebelumnya, iaitu piktograf, logogram dan persukuan. Dari segi perkembangan tamadun, sistem tulisan merupakan salah satu bentuk rekod maklumat berhubung perkembangan dan perubahan yang dialami bahasa yang berkenaan dari masa ke masa. Dengan adanya rekod bertulis itu, perkembangan dan perubahan yang dilalui sesuatu bahasa itu dapat diketahui dengan lebih baik, terperinci dan menyakinkan. Sehubungan itu, kertas ini mengungkap pengaruh Islam, Arab dan Parsi dalam inovasi sistem tulisan Jawi berdasarkan rekod-rekod yang ada.

SEJARAH IMEJ TULISAN DI ALAM MELAYU

Penggunaan aksara di Alam Melayu dianggarkan bermula sekurang-kurangnya pada abad ke-2 M. Artifak yang paling jelas berhubung penggunaan aksara muncul pada abad ke-4 M dengan terjumpanya prasasti Kutai/Kotai di lembah Sungai Mahakam, Kalimantan Timur (Abdul Rahman Ab. Rashid, Yap, Kim Fatt & Ab. Rahim Selamat, 1997; Hamdan Hassan, 1997; Shahrir Mohamad Zain, 2000) yang dipercayai merupakan prasasti tertua dijumpai di Nusantara dan pada prasasti Punawarman di Taruma, Jawa Barat pada abad ke-5 M. Sementara itu, prasasti tertua dari tamadun Melayu-Campa telah dijumpai di Kauthara (Nha-trang, Vietnam sekarang) yang bertarikh lebih awal iaitu 192 M tetapi berbahasa Sanskrit (INTAN, 1991). Prasasti-prasasti pra-Islam itu menggunakan aksara *Pallava* (Abdul Rahman et al., 1997; Wan Ali Wan Mamat, 2006) dengan bahasa Sanskrit atau *Palavi/Palawi* (Shahrir Mohamad Zain, 2000; Wan Ali Wan Mamat, 2006) yang diubah suai daripada aksara kerajaan Pallava di India Selatan pada abad ke-4 M (Hamdan Hassan, 1997). Aksara tersebut menurut Casparis (1975) kemudiannya berkembang secara evolusi kepada huruf *Kawi/Kavi* (Jawa Purba).

Abdul Rahman al-Ahmadi (1992) dan Asmah Omar (2005) menyatakan dari sudut sejarah, tulisan dalam bahasa Melayu yang tertua telah ditemui pada batu bersurat (Batu Bersurat Sriwijaya) abad ke-7 M di Sumatera Selatan dan Pulau Bangka dengan menggunakan huruf *Pallava* yang berasal dari India Selatan. Hal ini menunjukkan tulisan *Pallava* pernah digunakan di Alam Melayu sebagai sistem tulisan penduduk setempat. Pernyataan ini memberi makna bahawa, sudah ada beberapa sistem tulisan lain sebelum tulisan Jawi digunakan sebagai media tulisan bahasa Melayu di Alam Melayu. Fakta yang ingin ditekankan di sini adalah, bukan semua suku kaum mempunyai tulisannya sendiri. Di Alam Melayu yang mempunyai ratusan dialek dan bahasa, hanya orang Batak, Jawa, Kerinci, contohnya yang mempunyai sistem tulisan sendiri. Oleh itu, bahasa bagi suku kaum yang tidak mempunyai sistem tulisan itu ialah bahasa lisan. Menurut Amat Juhari Moain (1996) disebabkan kedudukan geopolitik Alam Melayu yang terletak di tengah-tengah jalur pelayaran laut dari timur ke Barat, maka pengaruh daripada kebudayaan India dan Cina telah meresap ke dalam kebudayaan Melayu sejak kedatangan pedagang dari kedua-dua buah negara ribuan tahun dahulu. Dari segi pengaruh

kebudayaan, Alam Melayu lebih kuat dipengaruhi *Hinduisme* daripada *Cinaisme*. Hal ini terbukti dengan ratusan kata Sanskrit dan Tamil dalam bahasa Melayu, selain pengaruh imbuhanannya dan sistem tulisannya. Contoh imbuhan awalan daripada Sanskrit yang digunakan dalam bahasa Melayu ialah *maha-*, *tata-*, *swa-*, *tuna-*, *eka-*, *dwi-*, *tri-*, dan *panca*, manakala imbuhan akhiran pula ialah *-wan*, *-man*, dan *-nita* (Nik Safiah Karim et al., 2011) Tulisan dari India turut digunakan terutamanya tulisan *Pallava* atau *Devanagari*. Tulisan ini akhirnya melahirkan banyak tulisan lain seperti tulisan Jawa, Bali dan Thai. Bukti penggunaan tulisan yang mengandungi huruf-huruf dari India dapat dilihat pada prasasti bahasa Melayu tertua yang ditemui di beberapa buah tempat seperti Talang Tuwo (684 M), Telaga Batu (685 M), Kota Kapur (686 M), Karang Berahi (686 M) dan sebagainya lagi.


Pengaruh bahasa Sanskrit kepada bahasa Melayu, termasuk penggunaan tulisan dari India, semakin terhakis dengan kemunculan tulisan pengaruh dari Arab. Menurut Abdul Rashid & Amat Juhari Moain (2005) zaman permulaannya ditandai dengan prasasti Terengganu yang bertarikh pada 702 Hijrah (1303 M). Penggunaan tulisan Jawi dan kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab pada prasasti tersebut menunjukkan pengaruh Arab mula tersebar di Alam Melayu dan berlaku perubahan dari segi penggunaan bahasa Melayu daripada bahasa Melayu kuno kepada bahasa Melayu klasik. Tidak ketinggalan kata-kata pinjaman daripada bahasa Parsi juga turut mewarnai bahasa Melayu pada masa itu. Tulisan Jawi menjadi penanda kepada bahasa Melayu klasik kerana ciri-ciri khusus bahasa tersebut antaranya menggunakan tulisan Jawi, menerima beberapa fonem Arab dan pelbagai jenis kosa kata Arab dan Parsi serta menggunakan sistem ejaan Arab (menggunakan tanda-tanda diakritik).

Terdapat juga tulisan-tulisan lain yang turut digunakan di Alam Melayu sebelum berkembangnya tulisan Jawi. Ismail Husein (1984), Amat Juhari Moain (1996) dan Asmah Hj. Omar (2005) menyatakan tulisan *Rencong* merupakan sistem tulisan yang terawal digunakan di Alam Melayu sebelum datang pengaruh dari luar dan tulisan ini masih digunakan di Bengkulu sehingga kini. Di samping itu terdapat juga tulisan yang bentuknya seakan-akan tulisan *Rencong* yang dikenali sebagai *surat Ulu* atau *tulisan Ulu*, yang digunakan di Sumatera Selatan (Lampung, Rejang dan Jambi) dan tulisan yang dikenali sebagai tulisan asli Minangkabau di daerah Minangkabau. Oleh itu tulisan *Rencong* boleh dianggap sebagai asas kepada semua tulisan tersebut dan

digunakan secara meluas di Pulau Sumatera sehingga akhir abad ke-18 (Amat Juhari Moain, 1996). Walau bagaimanapun tulisan tersebut semakin kurang penggunaannya dengan berkembangnya tulisan Jawi. Di samping itu, terdapat juga huruf Arab yang digunakan bagi menulis bahasa setempat seperti huruf Pegon. Menurut Pudjiastuti (2004 & 2007) huruf *Pegon* ialah huruf Arab untuk menulis teks Jawa. Abjad *Pegon* sama dengan abjad Jawa (*ha na ca ra ka*), iaitu berjumlah 20 abjad. Antara lain ciri-ciri huruf *Pegon* ialah pemakaian huruf *dal* bertitik satu di bawah.

Menurut Asmah Hj. Omar (2005) lagi, terdapat juga tulisan yang seakan-akan tulisan *Rencong* dengan dikenali sebagai *lontara* (ditulis di atas daun lontar) yang digunakan oleh orang Bugis dan Makasar di Sulawesi Selatan. Tidak ketinggalan suku-suku kaum Batak dan Kerinci yang mendiami Sumatera juga mempunyai sistem tulisan sendiri seperti yang sudah disebut tadi. Tulisan Batak berbentuk miring dan rencong dengan sudut-sudut tirus manakala tulisan *Kerinci* mempunyai bentuk yang hampir serupa dengan tulisan Melayu. Bahasa Kerinci menggunakan aksara rencong yang dikatakan berasal daripada tulisan Palawa (Muhadjir, 2000). Dalam membincangkan aksara atau *surat* Batak, Uli Kozok (2009) menyatakan aksara tersebut merangkumi dua kumpulan huruf yang dinamakan *ina ni surat* (aksara) dan *anak ni surat* (tanda diakritik). Sistem tulisan seperti ini dipakai oleh semua abjad India dan abjad-abjad turunannya kerana aksara Batak dan semua aksara Nusantara yang lain berinduk pada aksara India. Aksara Nusantara asli dapat dibahagikan kepada lima kelompok, iaitu aksara *Hanacaraka* (*Jawa, Sunda dan Bali*), *Surat Ulu* (*Kerinci, Rejang, Lampung, Lembak, Pasemah dan Serawai*), *Surat Batak* (*Angkola-Mandailing, Toba, Simalungun, Pakpak-Dairi, Karo*), aksara Sulawesi (*Bugis, Makasar, Bima*) dan Aksara Filipina (*Bisaya, Tagalog, Tagbanwa, Mangyan*).

Penemuan pelbagai bentuk tulisan dalam pelbagai suku kaum di Alam Melayu memperlihatkan tahap ketamadunan tertentu, yang sudah dicapai di Alam Melayu sejak berabad-abad lamanya. Walaupun peribumi Alam Melayu terpengaruh dengan tulisan-tulisan dari luar, namun akhirnya mereka dapat mencipta satu identiti tersendiri dengan kemunculan tulisan Jawi dan kedudukan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* sejak lama sebelum itu lagi. Penggunaan bentuk tulisan di Alam Melayu sebelum kemunculan tulisan Jawi dapat diringkaskan seperti Rajah 1 berikut:



RAJAH 1 Nama sistem tulisan di Alam Melayu sebelum kemunculan tulisan Jawi

Sementara itu Casparis (1975) membahagikan sistem aksara yang awal di Alam Melayu kepada lima zaman iaitu:

- i. Zaman aksara *Palavi* Awal abad ke-4M hingga ke-7M [dijumpai tertulis di prasasti di Kalimantan Timur, Jawa Barat, Kedah-Pulau Pinang (Bukit Meriam di Kuala Sungai Merbuk, Ceruk Tokun, Province Wellesley dan Sungai Bujang)];
- ii. Zaman aksara *Palavi* Kemudian pada abad ke-7M hingga pertengahan abad ke-8M (dijumpai pada prasasti di Sumatera, Jawa Tengah, dan Semenanjung Malaysia);
- iii. Zaman aksara *Kawi* Awal atau Jawa Kuno pertengahan abad ke-8M hingga awal abad ke-10M (dijumpai pada prasasti di Thai Selatan, Jawa Tengah, Jawa Timur, dan Semenanjung Malaysia);
- iv. Zaman aksara *Kawi* Kemudian pada awal abad ke-10M hingga pertengahan abad ke-13M (dijumpai pada prasasti di Jawa Timur, Airlangga, Kediri, Bali, Sunda, dan Sumatera Selatan) dan
- v. Zaman aksara *Kawi* zaman Majapahit yang dijumpai pada prasasti di seluruh Alam Melayu ini sehinggalah masuknya aksara Arab menerusi agama Islam. Bahasa yang dipakai dengan menggunakan aksara-aksara itu ialah bahasa Melayu Purba, Sanskrit atau Jawa Purba.

Berdasarkan pembahagian tersebut dapat disimpulkan bahawa aksara-aksara yang digunakan dalam tulisan di prasasti-prasasti pra-Islam ialah aksara *Palavi/Palawi*, diikuti oleh aksara Kawi dan kemudiannya aksara Arab. Merujuk kepada Amat Juhari Moain (1995) keluarga besar bahasa Melayu telah menggunakan empat jenis aksara atau tulisan iaitu:

- i. Aksara *Rencong* (dan aksara-aksara yang segolongan dengannya)
Jenis aksara yang termasuk dalam kumpulan aksara *Rencong* ialah *Rencong, Lampung, Ka Ga Nga, Rejang, Surat Ulu, Minang, Mandailing, Batak Toba, Karo, Dayak, Mindoro, Bugis* dan *Makasar*.
- ii. Aksara India (*Devanagari* dan *Pallava*)
Aksara *Devanagari* dan *Pallava* membentuk beberapa jenis aksara atau tulisan di beberapa tempat di Asia Tenggara seperti di Jawa, Sunda dan Bali.
- iii. Tulisan Arab atau Jawi
Tulisan Arab wujud di Alam Melayu sejak abad ke-3M (290 H) yang terukir pada batu nisan di Langgar, Kedah manakala tulisan Arab berbahasa Melayu yang tertua adalah pada prasasti Terengganu bertarikh 702H bersamaan dengan 1303M.
- iv. Tulisan Rumi atau Latin
Tulisan rumi digunakan untuk bahasa Melayu bermula pada tahun 1516M di Melaka yang dilakukan oleh orang-orang Portugis.

PENGARUH ISLAM DALAM INOVASI SISTEM TULISAN JAWI

Tulisan Jawi telah dibawa ke Alam Melayu bersama-sama agama Islam. Malahan, tulisan Jawi telah memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan tamadun Melayu, khususnya selepas agama Islam di Alam Melayu (Wan Ali Wan Mamat, 1996). Secara umumnya kedatangan agama Islam di rantau ini seawal abad ke-7 itu telah dibawa masuk oleh para ulama luar yang rata-ratanya juga pedagang. Menurut 'Arba'iyah Mohd Noor (2011) kelompok kecil pendakwah ini telah berada di rantau Melayu, terutamanya di bahagian barat Sumatera (674M dan 878M) di Jawa (1082M), di Champa (1039M) dan di

Semenanjung Tanah Melayu (878M dan 1302M). Bilangan mereka semakin banyak pada sekitar abad ke-15. Berhubung peranan agama Islam pula, Awang Sariyan (2010) menjelaskan Islam sebagai agama sejagat telah membantu dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa melalui penyerapan istilah-istilah dasar yang berkaitan dengan *akidah* dan ibadah-istilah sejagat yang digunakan umat Islam lain di dunia. Jelas beliau, dengan memperhitungkan bahasa Melayu ialah bahasa yang kedua terbesar sebagai bahasa Islam, sesudah bahasa Arab itu tidak syak lagi bahawa bahasa Melayu telah mencapai darjat bahasa antarabangsa dalam dunia Islam. Walau bagaimanapun, Hamdan Hassan (1997) berpandangan kedatangan Islam ke Alam Melayu khususnya di Pasai pada abad ke-13M tidak segera diikuti oleh kelahiran tulisan Jawi memandangkan kesan tertua penggunaan tulisan Jawi baru terdapat pada batu bersurat atau prasasti Terengganu pada abad ke-14M. Menurut Hashim Musa (1997) satu kesan yang amat besar dalam perkembangan bahasa Melayu akibat daripada proses pengislaman ini ialah penggunaan dan penyesuaian skrip Arab sehingga menjadi skrip Jawi untuk mengeja bahasa Melayu. Kebanyakan pengkaji berpendapat, skrip Arab mulai diadaptasikan sebagai skrip untuk ejaan bahasa Melayu sesudah abad ke-7H/13M (Jones, 1983). Pendapat ini disandarkan kepada pandangan Fatimi (1963) dan Al-Attas (1988) yang menjadikan penemuan Batu Bersurat Terengganu (702H/1303M yang menggunakan skrip Arab untuk ejaan teks berbahasa Melayu sebagai bukti.


Awang Sariyan (2010) menjelaskan apabila Islam datang ke Alam Melayu pada sekitar abad ke-12 atau ke-13 (sumber Aceh menyatakan abad ke-8), kegiatan penterjemahan teks daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu telah berlangsung. Contohnya ulama Melayu telah berusaha menerjemahkan kitab '*Aqaid al-Nasafi* (1590M). Menerusi usaha tersebut, bahasa Melayu telah diantarabangsakan daripada sudut kandungan bahasanya dan pada waktu yang sama daripada sudut peranannya sebagai bahasa yang digunakan dalam hubungan antarabangsa khususnya sebagai bahasa diplomasi. Perkembangan itu dapat dilihat pada surat Sultan Ternate, iaitu Sultan Ab-e Hayat kepada Raja Sepanyol pada tahun 1521M dan 1522M, surat Sultan Aceh kepada kapitan Inggeris, James Lancaster (1601M), surat Sultan Alauddin Shah Aceh kepada Harry Middleton (1602M) dan

surat Sultan Aceh kepada raja Inggeris, King James (1612M). Semua surat tersebut adalah dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi. Dengan keadaannya yang mudah dipelajari, akhirnya bahasa Melayu-Islam telah mendapat tempat, menjadi bahasa perantara (*lingua franca*) dan digunakan dengan begitu meluas di Alam Melayu terutamanya dalam bidang perdagangan dalam kalangan orang bukan Melayu. Menurut Wan Ali Wan Mamat (2005) pada dasarnya *lingua franca* bermaksud bahasa pada peringkat paling mudah dan ringkas tetapi cukup untuk memenuhi peranannya sebagai penyampai maksud perhubungan, seperti hubungan perdagangan di pelabuhan-pelabuhan pada zaman lampau. Dalam hal ini, keistimewaan bahasa Melayu sehingga berupaya memainkan peranan tersebut terletak pada sifatnya yang terbuka untuk menerima kata-kata asing serta mempunyai sistem ejaan dan sebutan yang mudah.

PENGARUH ARAB DALAM INOVASI SISTEM TULISAN JAWI

Ahli linguistik membahagikan bahasa-bahasa di dunia ini kepada beberapa golongan keluarga mengikut struktur mereka dan hubung kait dalam sejarahnya. Antara yang paling penting dalam kalangan keluarga bahasa tersebut ialah keluarga Semitik. Daripada penyelidikan dan kajian perbandingan, ahli bahasa telah mengemukakan teori yang mengandaikan kewujudan bahasa induk kepada semua bahasa-bahasa Semitik. Bahasa induk tersebut dikenali sebagai Proto-Semitik. Salah satu cabang yang paling penting dari bahasa proto-Semitik ialah Semitik Selatan-Barat Semitik yang terdiri daripada bahasa Arab Utara, bahasa Arab Selatan dan bahasa Ethiopic (Bakalla, 1984).

Tulisan atau skrip Jawi berasal daripada skrip Arab yang kemudiannya diubah suai setelah dibuat beberapa penambahan tertentu. Menurut Hashim Musa (1995) skrip Arab tergolong dalam keluarga skrip Proto Semitik. Skrip ini melahirkan skrip Semitik Utara yang menurunkan keluarga kecil skrip Aramaik. Skrip Aramaik berkembang kepada skrip Nabataen dan seterusnya melahirkan skrip Arab yang menjadi asas kepada tulisan Jawi. Cabangan daripada keluarga Proto Semitik itu digambarkan oleh Gaur, A. seperti dalam Rajah 2 berikut ini:



Rajah 2 Cabangan keluarga Proto Sematik

Sumber: Gaur, A. 1984

Gaur (1984) menyatakan skrip bahasa Arab dipercayai telah mula digunakan pada akhir abad ke-4 M dan abad ke-5 M oleh orang Nabataean daripada puak yang berbahasa Aramaik. Mereka tinggal di utara, timur dan selatan Sinai. Bahasa Arab tidak datang akibat rangsangan dari kemajuan kebendaan, tetapi terhasil dari kedatangan agama Islam yang membawa bersamanya kitab Al-Quran. Skrip Arab terdiri daripada 29 huruf yang terdiri daripada 22 huruf konsonan Semitik, termasuk tujuh lagi yang direka untuk mewakili sebutan yang lebih halus, yang dikehendaki dalam bahasa Arab. Tatabahasa dan bentuk bahasa Arab berbeza dari skrip Semitik yang lain. Sistem vokal dalam bahasa Arab itu agak mudah iaitu mengandungi lambang vokal yang ditulis di atas (baris atas) atau di bawah konsonan sebelum vokal itu (baris bawah) dan tanda yang menunjukkan ketiadaan vokal (tanda bulat).

Secara terperinci huruf baharu yang diinovasikan daripada huruf Arab ialah:

- nya* (نْ) daripada *nun* (ن) untuk fonem [ɲ]
- pa* (فْ) daripada *fa* (ف) untuk fonem [p]
- nga* (غْ) daripada *'ain* (ع) untuk fonem [ŋ]
- va* (جْ) daripada *wau* (و) untuk fonem [v]

Pengaruh bahasa Arab kepada bahasa Melayu antara lain telah berlaku melalui pengayaan perbendaharaan katanya. Dari segi sosiologi bahasa, memang sering berlaku proses mempengaruhi antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Walau bagaimanapun sarjana tidak sependapat tentang jumlah perkataan Arab yang mengalir ke dalam bahasa Melayu. Sarjana Barat seperti Wilkinson, R.J., Winstedt, R.O. dan Shellabear, W.G. menganggap pengaruh pemakaian istilah-istilah Arab cuma beberapa ratus sahaja, ataupun tidak lebih daripada 1,000 perkataan sahaja. Namun merujuk kepada Amat Juhari Moain (1996) pengkaji-pengkaji Melayu sendiri seperti Md Said dalam *Gugus kata Arab Melayu* (1939) dan Abdul Hamid dalam *Kamus al-Hamidi* (1941) telah menyenaraikan lebih daripada 2,000 perkataan Arab terdapat dalam bahasa Melayu.

PENGARUH PARSİ DALAM INOVASI TULISAN JAWI


Al-Attas (1999) menyatakan pada peringkat awal, bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa pengantar Islam oleh para pedagang Arab sekali gus alat penyebar agama Islam. Dengan itu, bahasa Melayu telah mula diislamkan apabila para ulamanya telah membawa bersama tulisan Arab untuk dijadikan tulisan Melayu dengan penambahan beberapa huruf yang istimewa. Usaha turut dijalankan dalam kalangan mereka untuk menyusun huruf Jawi berasaskan huruf Arab dengan dilengkapkan beberapa huruf tambahan menurut kaedah huruf-huruf Parsi. Menurut Guillot (2010) hubungan antara Parsi dengan Alam Melayu menjadi semakin ketara mulai abad ke-9 berdasarkan sumber-sumber seperti *Akhbar al-sin wal-hind* bertarikh 851 M, *Kitab al-masalik wal mamalik* (851M) dan *Hudud al-alam* (982 M). *Hudud al-alam* merupakan sebuah teks geografi Parsi yang ada nama tempat di Dunia Melayu. Sumber-sumber terkenal ini ialah kumpulan tulisan berdasarkan cerita-cerita yang disampaikan oleh pelaut di pelbagai pelabuhan di Teluk Parsi, khususnya di Sinaf yang merupakan pelabuhan terpenting zaman itu. Tulisan-tulisan ini menggambarkan satu tahap pengetahuan orang Parsi mengenai Alam Melayu.

Seorang lagi sarjana yang menyebut pengaruh Parsi terhadap tulisan Jawi ialah Muhammad Bukhari (1993), yang menegaskan kekurangan pada pandangan sarjana yang hanya membicarakan pengaruh Arab sahaja dalam bahasa Melayu kerana pandangan tersebut seolah-olah menafikan terus pengaruh Parsi (dan Sanskrit dan

lain-lain) dalam pertumbuhan dan perkembangan Bahasa Melayu. Menurut beliau ada tiga kemungkinan proses saluran pengaruh Parsi ke dalam Bahasa Melayu, iaitu secara langsung dari Parsi, melalui budaya Arab dan melalui budaya India. Hal ini dibuktikan menerusi beberapa ciri dalam bahasa Melayu yang dikatakan berasal daripada bahasa Parsi. Antaranya: terdapat perkataan yang diubah mengikut sebutan bunyi Melayu yang lebih berdasarkan suku kata vokal seperti مهر (*mohr* menjadi *mohor*), tidak diubah ejaannya seperti باندر (*bandr* menjadi *bandar*), diubah huruf konsonan Jawi seperti خ menjadi ك (*خورما* menjadi *کورما*), huruf tidak diubah tetapi bunyinya berubah seperti و (*waw/vaw*) menjadi و (*waw*) dan tidak boleh dua huruf berturut-turut yang berbaris mati dalam bahasa Melayu melainkan yang terakhir didatangkan bunyi vokal seperti این (*in*) menjadi این (*ini*), huruf dan bunyinya diubah seperti ناب (*nab*) menjadi انب (*enab/bersih, murni*), dikekalkan maknanya seperti كهوين (*kahwin*), diubah maknanya sama ada disempitkan (فرمان *firman*, hanya untuk perintah daripada Allah sahaja) atau disedikitkan daripada jumlah makna asal (ديوان *bermakna gedung* kepada erti *dewan* sahaja), menambah morfem Melayu ke dalam morfen Parsi seperti خندوري (*khanduri*) menjadi برکندوري (*berkenduri*), paduan perkataan Arab dengan perkataan atau imbuhan Parsi seperti خانه + کتب (*khana + kutub*) menjadi *kutubkhanah* dan dengan adanya beberapa perkataan bahasa Parsi yang telah diarakkan, namun bahasa Melayu kekal mengikut bentuk Parsinya seperti شلوار - *shilvar* (Parsi), سروال - *sarwal* (Arab), سلوار - *seluar* (Melayu). Secara terperinci dua huruf yang diinovasikan dari huruf Parsi ialah huruf *ga* (گ) bagi fonem [g] dan huruf *ca* (چ) bagi fonem [c]. Berkebetulan dari segi bentuk kedua-dua huruf ini mempunyai persamaan bentuk dengan huruf Arab iaitu *ga* (گ) dengan *kaf* (ک) dan *ca* (چ) dengan *ha* (ح).

Kemasukan pengaruh Parsi ke Alam Melayu menurut A. Samad (1958) melalui saudagar-saudagar dari Gujerat yang telah membuka jalan bagi pengaruh tersebut meresap ke dalam penghidupan orang Melayu bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan, bahkan juga dalam adat istiadat, bahasa serta agama. Sehubungan itu fakta bahawa huruf tambahan Jawi ialah hasil inovasi daripada gabungan huruf Arab dan Parsi ada benarnya jika merujuk kepada asal usul huruf Arab. Menurut Jainal Sakiban (2005), huruf Arab kuno berasal daripada tulisan kuno

Kerajaan Finik lebih 30 kurun yang lalu. Huruf ini kemudiannya berkembang menjadi enam cabang, iaitu *Tadammur*, *Hindi*, *Farisi*, *Fahlawi*, *Ibri* empat segi dan *Siryani*. Perkembangan ini ditunjukkan oleh Jainal (2005) seperti dalam Rajah 3 berikut:



RAJAH 3 Asal-usul huruf Arab
 Sumber: Jainal Sakiban (2005)

Berdasarkan susur galur asal huruf Arab yang dinyatakan Jainal Sakiban (2005) di atas, benarlah pernyataan Awang Sariyan (2010) bahawa bahasa Melayu mengalami interaksi dengan satu lagi bahasa antarabangsa, iaitu bahasa Arab dan di samping itu juga bahasa Parsi yang dikatakan oleh A. Samad (1958) masuk ke Alam Melayu menerusi usaha saudagar-saudagar dari Gujerat yang telah membuka jalan bagi pengaruh Parsi juga secara langsung daripada saudagar Iran meresap ke dalam penghidupan orang Melayu bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan, bahkan juga dalam adat istiadat, bahasa serta agama.

TULISAN JAWI MANIFESTASI KEBIJAKSANAAN ORANG MELAYU

Tulisan Jawi merupakan inovasi penting yang telah dilakukan oleh orang Melayu dalam sejarah penciptaan sistem tulisan. Hasil dari kebijaksanaan dan kreativiti ulama-ulama Melayu, menurut ‘Arba’iyah Mohd Noor (2011) akhirnya telah berjaya menyesuaikan, menggabungkan dan menyusun kedua-dua huruf Arab dan Parsi ini sehingga terbentuknya huruf-huruf Arab-Melayu atau dikenali juga dengan huruf Melayu-Jawi. Hasil gabungan antara beberapa sumber Arab, Parsi dan Melayu, secara tidak langsung telah dapat memperkaya perbendaharaan kata Melayu serta menaikkan imej tamadun bangsa Melayu. Semua huruf dalam skrip Arab telah diterima menjadi sebahagian daripada skrip Jawi. Di samping itu, untuk memenuhi keperluan ejaan mengikut lidah Melayu, empat huruf tambahan telah dicipta oleh orang Melayu dengan sebahagiannya dipinjam dan disesuaikan daripada skrip Parsi dan selebihnya ciptaan masyarakat Melayu sendiri berdasarkan skrip Arab (Hashim Hj. Musa, 2005). Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa pengaruh Islam, Arab dan Parsi telah menumbangkan kepada inovasi tulisan Jawi dalam kalangan sarjana Melayu. Ketiga-tiga elemen ini saling berkait. Oleh itu, pandangan yang menyatakan inovasi tulisan Jawi hanya berdasarkan pengaruh Arab merupakan pandangan yang kurang tepat kerana terdapat elemen lain yang turut menyumbang kepada penghasilan tulisan tersebut.

PENUTUP

Perkembangan Islam telah meluaskan penggunaan bahasa Arab ke Alam Melayu. Bahasa Arab mempunyai pertautan erat dengan agama Islam dan agama Islam pula merupakan agama yang dianuti oleh majoriti penduduk Alam Melayu manakala, bahasa yang dituturkan ialah bahasa Melayu. Pertautan ini telah menghasilkan satu bentuk tulisan yang dipengaruhi oleh huruf Arab. Namun begitu, beberapa huruf yang ada tidak sesuai dengan lidah Melayu dalam menuturkan bahasanya. Oleh hal yang demikian, penciptaan huruf baharu yang diinovasikan daripada huruf Arab telah dilakukan oleh orang Melayu. Di samping itu, bagi melengkapkan kelompangan, dua huruf telah dipinjam dari Parsi. Justeru, nyatalah di sini bahawa perkembangan Islam telah membawa bahasa Arab masuk ke Alam Melayu dan

mengangkat kedudukan Alam Melayu sebagai pusat dagangan antarabangsa. Seterusnya, perkembangan perdagangan antarabangsa pula telah membuka ruang berlakunya integrasi penduduk tempatan dengan pedagang-pedagang Parsi yang akhirnya telah mengilhamkan peminjaman dua huruf Parsi ke dalam tulisan Jawi.

RUJUKAN

- ‘Arba’iyah Mohd Noor. (2011). Menyorot kepengarangan Misa Melayu. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd Radzi Hj. Ahmad (pnyt.). *Perak: warisan, budaya & sejarah*. (hlm. 220-244). Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Samad Ahmad. (1958). *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman al-Ahmadi. (1992). Aksara dan batu bersurat Melayu kuno. *Jurnal Filologi Melayu, 1*, 11-41.
- Ab. Rahman Ab. Rashid, Yap Kim Fatt & Ab. Rahim Selamat. (1997). *Pengajian Melayu 1*. Kuala Lumpur: Longman.
- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. (2005). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amat Juhari Moain. (1995). *Pembakuan ejaan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (1996). *Perancangan bahasa sejarah aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2005). *Alam dan penyebaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2010). *Asas falsafah dan pemikiran Melayu berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru.
- Bakalla. (1984). Arabic culture through its language and literature. Dlm. *Arabic literature history and criticism*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Tun Abdul Razak.
- Casparis, J. G. de. (1975). *Indonesian palaeography; A history of writing in Indonesia from the beginnings to c. A.D. 1500*. Leiden: Koln Brill.
- Dardjowidjojo, S. (2007). *Psikolinguistik: Memahami asas pemerolehan bahasa*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Fatimi, S.Q. (1963). *Islam comes to Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research.
- Gaur, A. (1984). *A history of writing*. London: The British Library.
- Guillot, C. (2010). Parsia dan dunia Melayu: hubungan perdagangan dan intelektual. Dlm. Perret, D. (terj). *Selat Melaka di persimpangan Asia*.

- (hlm 13-51). Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia dan Kedutaan Besar Perancis di Malaysia.
- Hamdan Hassan. (1997). Tradisi penulisan sastera Melayu tradisional. *Jurnal Filologi Melayu*, 2, 15-22.
- Hashim Hj. Musa. (2005). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 86-115.
- Hashim Hj. Musa. (2006). *Epigrafi sejarah sistem tulisan dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- INTAN. (1991). *Malaysia kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Ismail Husein. (1984). *Sejarah pertumbuhan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jainal Sakiban. (2005). *Seni khat keindahan dalam kepelbagaian*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Kozok, Uli. (2009). Surat Batak: *Sejarah perkembangan tulisan Batak*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Muhadjir. (2000). *Bahasa Betawi: sejarah dan perkembangannya*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1993). Kata-kata Farsi dalam Bahasa Melayu: beberapa pengamatan. *Jurnal Filologi* 2: 103-112.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pudjiastuti, T. (2004). *Pegon script tangible identity of Islamic-Javanese. Kertas kerja dibentangkan di International workshop scripts as identity marker in Southeast Asia*. Anjuran LIPI and KITLV. Jakarta, t.th.
- Pudjiastuti, T. (2007). *Perang, dagang, persahabatan: surat-surat Sultan Banten*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Shaharir Mohamad Zain. (2000). *Angka Melayu sebelum kedatangan Islam. Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society (Second Series)* 23 (2000): 187-220. <http://www.emis.de/journals/BMMSS/pdf/v23n2/v23n2p10.pdf> [3 Mac 2013].
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. (1988). *The oldest known Malay manuscript: A 16th century Malay translation of the Aqa'id of Al-Nasafi*, University of Malaya: Department of Publications.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1999). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan melayu*. Petaling Jaya: ABIM.
- Wan Ali Wan Mamat. (2005). Hubungan kearifan antara bangsa Melayu melalui naskhah kuno. *Jurnal Filologi Melayu*, 13, 13-24.
- Wan Ali Wan Mamat. (2006). Sejarah dan pertumbuhan skrip Jawi. Dlm. Muhammad Bukhari Lubis, Fatimah Salleh, Husniyati Ali, Huzaimah Ismail & Siti Fatimah Sudin (pnyt). *Tulisan jawi sehimpunan kajian*. (hlm 1-35). Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.